

# Pengaruh pelaksanaan pengajaran terhadap kualiti pengajaran guru

UB 19. 9. 18 B3

## MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID AMBOTANG & NORMIATI BATJO

DALAM memacu pendidikan yang bersifat global, pembangunan modal insan bertaraf dunia merupakan prasyarat untuk membawa Malaysia bersama-sama bersaing dengan negara maju yang lain. Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) telah meletakkan pendidikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang mana fokus terhadap kualiti pengajaran guru merupakan penentu di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid. Seiring dengan transformasi pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (2013-2025), Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bertanggungjawab bersama-sama dalam merancang dan menyelaras pelaksanaan inisiatif kualiti guru bagi memastikan pelaksanaan transformasi pendidikan ini tercapai.

Standard 4 dalam SKPM 2010 berfokus kepada Pembelajaran dan Pengajaran yang lebih menjurus kepada peranan guru dalam memberikan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkualiti tinggi. Kualiti seorang guru merupakan sumbangan yang paling tinggi dalam menentukan kejayaan seseorang murid. Di dalam bilik darjah guru bertanggungjawab sebagai pemudah cara, pakar rujuk, penilai, pendidik mahupun fasilitator.

Bagi menjadi seorang guru yang berkualiti, guru perlulah terlebih dahulu meningkatkan kualiti peribadi seorang pendidik dan membersihkan jiwa sebelum membimbing manusia. Dengan itu, guru adalah individu yang mampu mencipta sesuatu yang berbeza dalam personaliti individu murid melalui pelbagai cara.

Dalam konteks keguruan, guru yang profesional haruslah mempunyai tiga ciri kemahiran profesional

guru iaitu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam banyak aspek, bukan sahaja mata pelajaran yang diajarnya. Ciri kedua, bertanggungjawab dan memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi. Manakala ciri ketiga, ialah terlatih dan mahir dalam tugas-tugas mengajar dan membimbing murid.

Justeru, hasrat untuk melahirkan guru yang berkualiti boleh dicapai dengan menghantar guru menyertai kursus, pembentangan kertas kerja, seminar dan program pembelajaran profesional secara berterusan supaya pengetahuan serta kemahiran mereka selari dengan tuntutan semasa.

Kualiti pengajaran guru menjadi isu kritis kerana keperluan kepada penambahbaikan yang radikal dan berskala besar dalam bidang pendidikan terutamanya di sekolah adalah sangat mendesak dan berlaku secara global. Justeru, keupayaan guru untuk mengaplikasikan pengetahuan dan mengimplementasikan di sekolah adalah sangat penting. Ini kerana kualiti guru dikaitkan dengan pencapaian murid. Kejayaan dan kelemahan murid mempunyai hubung kait yang rapat dengan faktor guru.

Saranan Menteri Pendidikan Malaysia telah mengemukakan empat idea dalam satu temu ramah baru-baru ini yang antaranya ialah untuk mewujudkan pendidikan berkualiti kepada semua golongan. Idea ini akan terlaksana buka sahaja dengan melahirkan guru yang berkualiti tetapi lebih jauh daripada itu, iaitu untuk memastikan guru yang berkualiti ini kekal di dalam sistem pendidikan di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Akan tetapi, masih wujud senario yang meletakkan bahawa sistem pendidikan awam berada pada tahap produktiviti yang rendah khususnya dalam strategi pengurusan, kurikulum akademik dan kaedah PdPc.

Bagaimanapun, dari sudut yang berbeza kerajaan sentiasa berusaha mengurangkan ketirisan yang berlaku dalam

sistem pendidikan. Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang banyak untuk pembangunan khas program latihan. Ini bagi meningkatkan mutu pendidikan negara yang dasarnya bertujuan melahirkan guru yang mahir dan cekap mengajar. Darjah yang diberikan terhadap guru sangat tinggi sehingga mereka digelar pemimpin dan pengurus pengajaran.

Peredaran masa telah membawa bersama transformasi pendidikan yang mendorong berlaku perubahan drastik dalam PdPc di Malaysia. Pelbagai perubahan pendidikan di Malaysia disebabkan oleh keperluan kepada PdPc abad ke-21. Justeru itu, kualiti guru dalam mengurus pengajaran perlu melihat bukan saja menyampaikan ilmu yang diajarkan tetapi perlu merancang pengajaran. Guru tidak mampu bertahan lama sekiranya berlaku pengabaian kepada kualiti PdPc khususnya terhadap pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki.

Pedagogi menjadi salah satu faktor dalam membentuk kualiti pengajaran guru di dalam bilik darjah. Masih wujud kelemahan cara dan gaya pengajaran guru yang memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk dan lebih berorientasikan peperiksaan. Pengajaran guru kurang memberi pendedahan tentang kemahiran, teknik, dan strategi khususnya bagi mata pelajaran yang memerlukan kaedah-kaedah seumpama ini contohnya Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Akibat kelemahan ini menyebabkan murid bosan dan tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran disebabkan corak dan pola pengajaran guru mereka yang membosankan.

Jelaslah bahawa kaedah pengajaran guru perlu mengalami proses transformasi. Kaedah pengajaran yang berpusatkan guru perlu diubah kepada berpusatkan murid bagi memastikan mereka memahami dan merasakan kepentingan sesuatu mata pelajaran yang

dipelajari bukan sahaja di dalam peperiksaan tetapi juga di dalam kehidupan sebenar. Strategi pengajaran konvensional menyebabkan topik yang diajar tidak menarik di samping menjadikan murid tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran. Guru perlu lebih berinovasi dan mengurangkan kaedah pengajaran yang lebh ke arah konvensional. Hal ini menyebabkan murid akan menjadi lebih pasif.

Perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc) sesuai dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). KPM telah membuat pelancaran inisiatif PAK21 secara rintis pada tahun 2014 dan pelaksanaannya di seluruh negara dikuatkuaskan mulai tahun 2015. Bagi seorang guru kaedah pengajaran merupakan teknik dan strategi yang digunakan dalam pengajaran di bilik darjah.

Penguasaan guru dengan ilmu cukup untuk melahirkan pendidikan yang dinamik (PPPM, 2015) sama ada aspek psikologi, pedagogi, teknik, dan strategi turut dititikberatkan. Kedua-duanya haruslah mempunyai strategi masing-masing bagi menghasilkan kesan yang positif terhadap keberkesanannya pelaksanaan PdPc. Setiap murid diberi peluang sama untuk melibatkan diri secara aktif dalam PdPc.

Pelaksanaan pengajaran abad ke-21 yang turut mengalami perubahan ke arah yang lebih kreatif iaitu Kaedah Pembelajaran Kontekstual, Kaedah Pembelajaran Koperatif, Kaedah Pembelajaran Kolaboratif, dan Kaedah Pembelajaran Masteri.

Pendekatan Pembelajaran secara Konstekstual membolehkan murid menghubungkaitkan isi kandungan pelajaran dengan kehidupan sehari-hari, pengalaman individu, masyarakat serta mengaplikasikan dalam alam pekerjaan. Pembelajaran konstekstual disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit yang melibatkan latih amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila

murid berupaya menghubung kaitkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevan pembelajaran dengan kehidupan. Pendekatan ini berjaya menarik minat murid dan menghasilkan kejayaan dari segi kognitif murid khususnya di Sekolah Menengah Teknik (SMT) dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

Pembelajaran Koperatif pula ialah satu set proses yang membantu murid berinteraksi bersama untuk menjayakan sesuatu hasil pembelajaran mengikut isi kandungan mata pelajaran. Kaedah pembelajaran koperatif merupakan kaedah PdPc untuk mengembangkan potensi murid serta memberi kepercayaan kepada murid mengendalikan sesuatu aktiviti berdasarkan keyakinan kepada rakan kumpulan dan dapat membentuk kesan positif dari segi pencapaian akademik mahupun minat, sikap, dan kemahiran sosial murid. Ia merupakan satu bentuk sistem pengajaran yang sistematik yang terdiri daripada pelbagai tahap IQ.

Kaedah ini lebih menjurus kepada kerjasama kumpulan dalam menjayakan pembelajaran, mengatasi masalah, memberi maklum balas dan berinteraksi antara murid secara berstruktur. Impak kaedah pembelajaran koperatif ternyata berkesan dalam pelaksanaan pengajaran bagi memperlihatkan kualiti PdPc seseorang guru yang menjadi pemudah cara untuk muridnya.

Perlaksanaan Pembelajaran Kolaboratif bersesuaian dengan sistem PAK21 yang menekankan prinsip kualiti dan kesamarataan. Pembelajaran kolaboratif adalah penglibatan dua atau lebih murid dalam satu kumpulan kecil yang melakukan proses pembelajaran bersama-sama. Situasi pembelajarannya kurang berstruktur berbanding pembelajaran koperatif.

pembelajaran kolaboratif berkesan dalam meningkatkan motivasi belajar. Ini kerana guru berperanan sebagai fasilitator dalam membantu murid mencapai kompetensi dalam

pembelajaran.

Manakala Pembelajaran Masteri adalah satu kaedah PdPc yang mendorong murid sampai kepada tahap penguasaan unit pembelajaran tertentu sebelum mereka dibenarkan meneruskan pembelajaran ke unit yang seterusnya. Pembelajaran masteri juga adalah pembelajaran berdasarkan andaian bahawa murid boleh menguasai objektif yang ditetapkan sekiranya murid diberi arahan dan masa yang mencukupi.

Setiap individu dilahirkan berbeza daripada individu yang lain, salah satu perbezaannya adalah dalam aspek kaedah pembelajaran. Faktor perbezaan setiap individu mungkin disebabkan oleh genetik atau pun keadaan persekitaran seseorang individu itu sendiri. Guru perlu mengambil kira setiap perbezaan tahap pembelajaran ini agar pengajaran yang dirancang meliputi semua tahap pembelajaran kerana guru tidak wajar menganggap kumpulan murid di dalam kelas yang sama memiliki tahap pencapaian yang sama. Akan tetapi, secara praktikalnya tahap pencapaian setiap murid kurang diberi penumpuan dalam setiap aktiviti pembelajaran yang dirancang oleh guru.

Oleh yang demikian, faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran berkualiti adalah suatu yang perlu diutamakan. Kecenderungan terhadap gaya pengajaran dan menganggap bahawa murid merupakan pelanggan utama dalam proses pembelajaran adalah kemuncak utama dalam sistem pendidikan. Dengan kata lain, seseorang guru yang memasuki perkhidmatan keguruan telah dianggap sebagai pemberi ilmu khususnya dalam membentuk kecemerlangan murid dalam bentuk akademik mahupun sahsiah murid.

---

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazq di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah